

**PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM KSSR :**

**PERSEPSI, AMALAN DAN MASALAH GURU**

**DI DAERAH KLUANG**

**ELANSEGARAN A/L THANGAMANI**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM KSSR :**

**PERSEPSI, AMALAN DAN MASALAH GURU**

**DI DAERAH KLUANG**

**ELANSEGARAN A/L THANGAMANI**

**Projek ini Dikemukakan  
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan  
( Kurikulum dan Pengajaran)**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**December 2013**

## **Penghargaan**

**Segala pujian kepada Tuhan kerana  
dengan limpah dan izinNya projek ini dapat disempurnakan.**

**Saya dengan seikhlas hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan  
khususnya kepada penyelia projek, Prof. Dr. Zaitun Binti Hj. Sidin di atas  
segala bimbingan, teguran, tunjuk ajar, nasihat dan panduan yang telah  
dihulurkan sepanjang tempoh penyelidikan projek ini dijalankan. Ribuan  
terima kasih kerana terus memberi nasihat, teguran dan bimbingan tanpa**

**jemu-jemu sehingga projek ini sempurna dilaksanakan.**

**Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada  
Jabatan Pelajaran Johor, Pejabat Pelajaran Daerah Kluang,  
Guru Besar – Guru Besar sekolah yang terlibat dalam kajian ini dan juga  
kepada guru-guru yang sudi memberi kerjasama dan maklumbalas .**

**Akhir sekali tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang sentiasa membantu  
menyiapkan projek ini.**

**Terima kasih**

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi, amalan dan masalah dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) di daerah Kluang Johor. Satu set soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian digunakan sebagai instrumen kajian. Sampel kajian terdiri daripada 267 orang guru mata pelajaran di 20 buah Sekolah Rendah Kebangsaan yang terdapat di daerah Kluang, Johor. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan bantuan perisian komputer melalui program SPSS Version 20.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi, amalan dan masalah mempunyai nilai min yang tinggi dengan

masing-masing mempunyai nilai min 3.93, 3.84 dan 3.95. Persepsi bagi guru-guru yang mengajar di sekolah bandar mahupun di sekolah luar bandar tidak berbeza namun dari segi amalan dan masalah pula, guru-guru di sekolah bandar mempunyai nilai min yang tinggi iaitu masing-masing dengan nilai min 4.01 dan 3.93. Ini jelas menunjukkan guru-guru di sekolah bandar mempunyai masalah dalam pelaksanaan PBS. Di samping itu, guru-guru yang mengajar lebih daripada 10 tahun mempunyai nilai min yang tinggi dari segi persepsi, amalan dan masalah dalam pelaksanaan PBS dalam KSSR iaitu masing-masing dengan nilai min 4.09, 4.06 dan 3.96. Nilai-nilai min ini adalah tinggi berbanding dengan mereka yang mengajar kurang daripada 10 tahun. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek persepsi, amalan dan masalah dengan tempoh pengalaman mengajar. Selain itu, terdapat juga perbezaan yang signifikan antara aspek amalan dan masalah dengan kategori sekolah. Namun begitu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek persepsi dengan kategori sekolah. Secara keseluruhannya, persepsi, amalan dan masalah pelaksanaan PBS dalam KSSR, di kalangan guru-guru di daerah Kluang berada di tahap yang tinggi.

## **ABSTRACT**

This study aims to identify the perceptions, practices and problems in the implementation of the School-Based Assessment (SBA) in the Standard Curriculum for Primary School (SCPC) in Kluang, Johor. The questionnaire which consists of four sections was used as instrument in this study . The sample consisted of 267 teachers from 20 Primary Schools in Kluang, Johor. Computer program SPSS Version 20.0 was used to analyze the data . The results showed that the perceptions, practices and problems have high mean values with each having a mean value of 3.93, 3.84 and 3.95 respectively. Perceptions of teachers who teach in urban schools do not differ from

teachers teaching in rural schools, but in terms of practices and problems, the teachers in urban schools have higher mean values. The mean values for practices and problems of teachers who teach in urban schools are 4.01 and 3.93 respectively. This indicates that teachers in urban schools have problems in the implementation of SBA in SCPC. In addition, teachers teaching more than 10 years had a higher mean value in terms of perceptions, practices and problems of SBA in the SCPC with a mean of 4.09, 4.06 and 3.96 respectively. Their mean values are higher compared to those who teach less than 10 years. The study also shows that there are significant differences between aspects of perception, practices and problems with teaching experiences among teachers. In addition, there are also significant differences between practices and problems with the schools category. However, there is no significant difference between the perceptions of teachers with the categories of schools. Overall, perceptions, practices and problems of implementation of SBA in the SCPC, among the teachers in Kluang at a high level.



## KANDUNGAN

| BAB | PERKARA           | MUKA SURAT |
|-----|-------------------|------------|
|     | PENGAKUAN PENULIS | ii         |
|     | DEDIKASI          | iii        |
|     | PENGHARGAAN       | iv         |
|     | ABSTRAK           | v          |
|     | ABSTRACT          | vi         |
|     | KANDUNGAN         | viii       |
|     | SENARAI RAJAH     | xii        |
|     | SENARAI SINGKATAN | xvi        |
|     | SENARAI LAMPIRAN  | xviii      |

## BAB I PENDAHULUAN

|      |                                      |    |
|------|--------------------------------------|----|
| 1.1  | Pengenalan                           | 1  |
| 1.2  | Latar Belakang Kajian                | 3  |
| 1.3  | Penyataan Masalah                    | 19 |
| 1.4  | Objektif Kajian                      | 21 |
| 1.5  | Persoalan Kajian                     | 22 |
| 1.6  | Kepentingan Kajian                   | 23 |
| 1.7  | Batasan Kajian                       | 24 |
| 1.8  | Skop Kajian                          | 24 |
| 1.9  | Definisi Istilah                     | 25 |
|      | 1.9.1 Guru                           | 25 |
|      | 1.9.2 Amalan Guru                    | 26 |
|      | 1.9.3 Pentaksiran Berasaskan Sekolah | 26 |
|      | 1.9.4 Pentaksiran Sekolah            | 28 |
|      | 1.9.5 Band                           | 29 |
|      | 1.9.6 Standard Prestasi              | 30 |
|      | 1.9.7 Deskriptor                     | 30 |
|      | 1.9.8 Evidens                        | 31 |
| 1.10 | Penutup                              | 32 |

## BAB II SOROTAN KAJIAN

|     |                        |    |
|-----|------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan             | 33 |
| 2.2 | Transformasi Kurikulum | 34 |

|      |  |    |
|------|--|----|
| 2.3  | Penilaian, Pengukuran dan Pentaksiran  | 35 |
|      | 2.3.1 Penilaian  | 36 |
|      | 2.3.1.1 Definisi dan Konsep Penilaian  | 36 |
|      | 2.3.1.2 Bentuk Penilaian   | 37 |
|      | 2.3.2 Pengukuran   | 39 |
|      | 2.3.2.1 Definisi dan Konsep Pengukuran   | 39 |
|      | 2.3.2.2 Bentuk Pengukuran  | 41 |
|      | 2.3.3 Pentaksiran  | 42 |
|      | 2.3.3.1 Definisi dan Konsep Pentaksiran  | 42 |
|      | 2.3.3.2 Bentuk Pentaksiran   | 43 |
|      | 2.3.3.3 Tujuan Pentaksiran   | 44 |
|      | 2.3.3.4 Ciri-ciri Pentaksiran  | 45 |
| 2.4  | Pandangan ahli-ahli falsafah kurikulum tentang Penilaian, Pengukuran dan Pentaksiran | 48 |
| 2.5  | Pentaksiran Piawai dan Kesan Pelaksanaannya  | 51 |
| 2.6  | Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Malaysia                                     | 54 |
| 2.7  | Pentaksiran Sekolah  | 56 |
| 2.8  | Pentaksiran Pusat  | 62 |
| 2.9  | Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)                          | 65 |
| 2.10 | Pentaksiran Psikometrik (PPSi)   | 67 |
| 2.11 | Amalan Pentaksiran   | 68 |
| 2.12 | Isu Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah                                       | 69 |
| 2.13 | Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Singapura  | 71 |
| 2.14 | Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Peringkat  |    |

|      |  |    |
|------|--|----|
|      | Rendah di Brunei Darussalam  | 74 |
| 2.14 | Kajian –Kajian Lepas Tentang Pentaksiran<br>Berasaskan Sekolah Di Malaysia | 76 |
| 2.15 | Rumusan  | 81 |

### **BAB III METODOLOGI KAJIAN**

|     |   |    |
|-----|---|----|
| 3.1 | Pengenalan  | 82 |
| 3.2 | Reka Bentuk kajian  | 83 |
| 3.3 | Populasi dan Sampel Kajian  | 84 |
| 3.4 | Lokasi Kajian   | 85 |
| 3.5 | Instrumen kajian  | 86 |
|     | 3.5.1 Soal Selidik  | 86 |
|     | 3.5.1.1 Bahagian A : Latar Belakang dan<br>Demografi Responden                | 88 |
|     | 3.5.1.2 Bahagian B : Persepsi Guru Terhadap<br>Pelaksanaan PBS Dalam KSSR     | 89 |
|     | 3.5.1.3 Bahagian C : Amalan Guru Terhadap<br>Pelaksanaan PBS Dalam KSSR       | 90 |
|     | 3.5.1.4 Bahagian D : Permasalahan Guru Terhadap<br>Pelaksanaan PBS Dalam KSSR | 91 |
| 3.6 | Kajian Rintis   | 92 |
|     | 3.6.1 Kesahaan Item Soal Selidik  | 93 |
|     | 3.6.2 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik                                      | 94 |
| 3.7 | Prosedur Kajian   | 95 |
| 3.8 | Analisis Data   | 95 |
|     | 3.8.1 Pertimbangan Skor Min   | 96 |
|     | 3.8.2 Analisis Demografi Responden  | 97 |

|                                    |    |
|------------------------------------|----|
| 3.8.2 Analisis Bahagian B, C dan D | 97 |
| 3.10 Rumusan                       | 98 |

## **BAB IV ANALISIS DATA**

|   |     |
|---|-----|
| 4.1 Pengenalan  | 99  |
| 4.2 Latar belakang Responden  | 99  |
| 4.2.1 Analisis Demografi Responden  | 100 |
| 4.2.2 Analisis Latar Belakang Tugas Responden   | 101 |
| 4.2.3 Analisis Maklumat Kursus Responden  | 102 |
| 4.3 Analisis Persepsi Guru-Guru Dalam Pelaksanaan PBS dalam KSSR  | 103 |
| 4.3.1 Aspek Memahami Hasrat KSSR  | 107 |
| 4.3.2 Aspek Memahami Perubahan Peranan Guru dalam KSSR  | 108 |
| 4.3.3 Aspek Kesan Dan Kesesuaian KSSR Kepada Pelajar  | 110 |
| 4.4 Analisis Amalan Guru-Guru Dalam Pelaksanaan PBS dalam KSSR  | 112 |
| 4.4.1 Aspek Penggunaan Dokumen-Dokumen KSSR   | 115 |
| 4.4.2 Aspek Pengurusan dan Pelaporan PBS  | 117 |
| 4.5 Analisis Masalah-Masalah Yang Dihadapi Guru-Guru dalam Pelaksanaan PBS dalam KSSR   | 118 |
| 4.5.1 Aspek Pelaksanaan PBS dalam KSSR  | 121 |
| 4.5.2 Aspek Kemudahan dan Infrastruktur Sekolah   | 122 |
| 4.6 Perbezaan Persepsi Guru, Amalan Guru dan Masalah yang Dihadapi dalam Pelaksanaan PBS di Sekolah Merentas Kategori Sekolah           | 124 |
| 4.6.1 Analisis ujian -t dlam aspek persepsi   | 124 |
| 4.6.2 Analisis ujian -t dlam aspek amalan   | 125 |
| 4.6.3 Analisis ujian -t dlam aspek masalah  | 126 |
| 4.7 Perbezaan Persepsi Guru, Amalan Guru dan Masalah yang Dihadapi dalam Pelaksanaan PBS di Sekolah Merentas Tempoh Pengalaman Mengajar | 126 |
| 4.7.1 Analisis ujian ANOVA dalam aspek persepsi   | 127 |
| 4.7.2 Analisis ujian ANOVA dalam aspek amalan   | 128 |

|     |  |     |
|-----|--|-----|
|     | 4.7.3 Analisis ujian ANOVA dalam aspek masalah | 129 |
| 4.8 | Penutup  | 130 |

## **BAB V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

|     |   |     |
|-----|---|-----|
| 5.1 | Pengenalan  | 131 |
| 5.2 | Rumusan Dapatan Kajian  | 132 |
| 5.3 | Perbincangan dan Implikasi Kajian   | 133 |
|     | 5.3.1 Aspek Persepsi Guru-Guru Dalam Pelaksanaan PBS Dalam KSSR   | 134 |
|     | 5.3.2 Aspek Amalan Guru-Guru Dalam Pelaksanaan PBS Dalam KSSR   | 135 |
|     | 5.3.3 Aspek Masalah Guru-Guru Dalam Pelaksanaan PBS Dalam KSSR  | 136 |
|     | 5.3.4 Aspek Perbezaan Persepsi Guru, Amalan Guru dan Masalah Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan PBS di Sekolah Merentas Kategori Sekolah           | 138 |
|     | 5.3.5 Aspek Perbezaan Persepsi Guru, Amalan Guru dan Masalah yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan PBS di Sekolah Merentas Tempoh Pengalaman Mengajar | 140 |
| 5.4 | Cadangan Kajian   | 141 |
|     | 5.4.1 Meningkatkan Persepsi Guru-Guru dalam Pelaksanaan PBS dalam KSSR  | 141 |
|     | 5.4.2 Permasalahan Guru dalam Pelaksanaan PBS dalam KSSR  | 143 |
|     | 5.4.3 Penambahbaikan SPPBS  | 144 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Masa Depan  | 145 |
| 5.6 | Penutup   | 147 |

**SENARAI RAJAH**

| NO.RAJAH | TAJUK                                   | MUKA SURAT |
|----------|---|------------|
| 1.1      | Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah | 28         |





**SENARAI JADUAL**

| NO.JADUAL | TAJUK   |
|-----------|---|
| 1.1       | Pencapaian calon UPSR dari tahun 2008 hingga 2012   |
| 1.2       | Kerangka pernyataan standard dan tafsiran   |
| 2.1       | Aspek pentaksiran sukan dan kokurikulum   |
| 2.2       | Aspek ekstrakurikulum   |
| 2.3       | Pecahan secara peratusan bagi <i>Continual Assessment</i> (CA) dan <i>Semestral Assessment</i> (SA) |
| 3.1       | Senarai sekolah yang terlibat dalam kajian  |
| 3.2       | Taburan item soal selidik   |
| 3.3       | Item Kajian Mengikut Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan PBS dalam KSSR                              |
| 3.4       | Item Kajian Mengikut Amalan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS dalam KSSR                                |
| 3.5       | Item Kajian Mengikut Permasalahan Guru Terhadap Pelaksanaan PBS dalam KSSR                          |

- 3.6 Skala Likert Dalam Kajian
- 3.7 Pembinaan Item Soal Selidik
- 3.8 Pertimbangan Nilai Skor
- 3.9 Kesahan Item Soal Selidik
- 4.1 Analisis demografi responden
- 4.2 Analisis latar belakang tugas responden
- 4.3 Analisis maklumat kursus responden
- 4.4 Dapatan analisis min persepsi guru-guru dalam pelaksanaan PBS dalam KSSR
- 4.5 Persepsi tentang hasrat KSSR
- 4.6 Memahami perubahan peranan guru dalam KSSR
- 4.7 Kesan dan kesesuaian KSSR kepada pelajar
- 4.8 Dapatan analisis min amalan-amalan guru dalam pelaksanaan PBS dalam KSSR
- 4.9 Amalan terhadap penggunaan dokumen KSSR
- 4.10 Amalan pengurusan dan pelaporan PBS
- 4.11 Dapatan analisis min masalah-masalah guru dalam pelaksanaan PBS dalam KSSR
- 4.12 Masalah pelaksanaan PBS dalam KSSR
- 4.13 Masalah dari segi Kemudahan dan infrastruktur sekolah
- 4.14 Hasil analisis ujian-t dalam aspek persepsi
- 4.15 Hasil analisis ujian-t dalam aspek amalan
- 4.16 Hasil analisis ujian-t dalam aspek masalah

- 4.17 Hasil analisis ujian ANOVA dalam aspek persepsi
- 4.18 Hasil analisis ujian ANOVA dalam aspek amalan
- 4.19 Hasil analisis ujian ANOVA dalam aspek masalah

#### SENARAI SINGKATAN

PBS

Pentaksiran Berasaskan Sekolah

|       |  |
|-------|--|
| SPPBS | Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah     |
| KPM   | Kementerian Pendidikan Malaysia                      |
| PPPM  | Pelan Pembangunan Pembangunan Malaysia               |
| KSSR  | Kurikulum Standard Sekolah Rendah                    |
| KBSR  | Kurikulum Baru Sekolah Rendah                        |
| KSPK  | Kurikulum Standard Pra Sekolah                       |
| LPM   | Lembaga Peperiksaan Malaysia                         |
| BPK   | Bahagian Pembangunan Kurikulum                       |
| PIPP  | Pelan Induk Pendidikan Malaysia                      |
| RMK-9 | Rancangan Malaysia Ke-9                              |
| SJKC  | Sekolah Jenis Kebangsaan Cina                        |
| SJKT  | Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil                       |
| BTSK  | Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan                      |
| BCSK  | Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan                       |
| KBT   | Kemahiran Bernilai Tambah                            |
| PKKS  | Penilaian Kemajuan Kendalian Sekolah                 |
| PEKA  | Penilaian Kerja Amali                                |
| SPPK  | Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan             |
| PS    | Pentaksiran Sekolah                                  |
| PP    | Pentaksiran Pusat                                    |
| PPsi  | Pentaksiran Psikometrik                              |
| PAJSK | Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Ko-Kurikulum |
| UPSR  | Ujian Penilaian Sekolah Rendah                       |
| PMR   | Penilaian Menengah Rendah                            |
| SPM   | Sijil Pelajaran Malaysia                             |
| STPM  | Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia                      |
| FPM   | Fail Perkembangan Murid                              |
| FS    | Fail Showcase  |
| RPM   | Rekod Pembangunan Murid                              |
| DSK   | Dokumen Standard Kurikulum                           |
| SEGAK | Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan               |
| SBA   | School Based Assessment                              |
| SBB   | School Based Banding                                 |

|      |                                     |
|------|-------------------------------------|
| PSLE | Primary School Learning Examination |
| CA   | Continual Assessment                |
| SA   | Semestral Assessment                |

**SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN

TAJUK

|   |   |
|---|---|
| A | Borang Soal Selidik   |
| B | Surat Pengesahan Status Pelajar   |
| C | Surat kebenaran Menjalankan Kajian oleh<br>Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan |







## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Sektor pendidikan merupakan enjin pembangunan yang penting dalam sesebuah negara. Malaysia sebagai sebuah negara yang pesat membangun tidak ketinggalan dalam hal ini. Pembangunan modal insan yang bertaraf dunia dan mobiliti sosial menjadi agenda utama bidang pendidikan di Malaysia. Walaupun negara kita telah mencapai pelbagai kejayaan yang penting dan memberikan komitmen yang tinggi dalam pendidikan, namun perubahan landskap negara dan antarabangsa yang berubah dan semakin kompetitif menuntut agar kedudukan sistem pendidikan Malaysia pada masa kini dan hala tuju negara pada masa depan dikaji semula. Tambahan lagi, terdapat petanda yang menunjukkan bahawa sistem pendidikan negara perlu lebih kompetitif dalam dunia yang sentiasa berubah pada hari ini. Hallinger (1998) menegaskan globalisasi telah mendorong berlakunya anjakan paradigma yang amat ketara di kebanyakan negara dalam konteks untuk mencari makna terhadap kualiti pendidikan dan juga kurikulum yang ditawarkan.

Sejajar dengan hasrat ini, telah berlaku satu arus transformasi dalam bidang pendidikan. Arus tranformasi ini telah membawa satu perubahan yang besar dalam bidang pendidikan negara. Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, kerajaan mengambil langkah menggubal Sistem Pendidikan Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) yang baru dimana pelan ini menyediakan kerangka pembangunan yang menyeluruh untuk menzahirkan transformasi sistem pendidikan secara pantas dan mapan sehingga tahun 2025. Secara keseluruhannya, hasrat ini mesti dicapai melalui pengagihan sumber yang terancang dan teliti, dan seterusnya memastikan setiap ringgit dibelanjakan untuk meningkatkan keberhasilan dan kemenjadian murid.

Transformasi kurikulum di Malaysia bukan satu perkara yang baru. Ia telah berlaku sejak zaman kemerdekaan hingga kini. Perubahan kurikulum yang terbaru di Malaysia adalah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula dilaksanakan mulai tahun 2011 di sekolah rendah seluruh negara. Kurikulum baru ini memberi tumpuan khas kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Pentaksiran merupakan salah satu unsur yang penting dalam transformasi kurikulum. Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) diperkenalkan di sekolah-sekolah bagi membangunkan murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Guru diberi autonomi untuk melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah mengikiut kreativiti dan daya usaha masing-masing (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2011).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Transformasi kurikulum dari KBSR (Semakan) ke KSSR terbit dari gagasan ketiga ucapan dasar Y.A.B Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Badawi dalam Perhimpunan Agung UMNO 2006 yang menuntut supaya pendidikan negara memberi penekanan kepada pembangunan modal insan, penghasilan pelajar celik minda, pembentukan warganegara yang menguasai ilmu, kemahiran dan maklumat dan program yang membangunkan akal manusia dalam melahirkan insan Ulul al-bab bagi menghadapi cabaran alaf ke-21.

Sehubungan dengan itu, satu usaha menyusun semula dan penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara terutamanya di peringkat sekolah rendah dilaksanakan dalam kurikulum sekolah rendah diikuti sekolah menengah berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP, 2006). Pelbagai kajian telah dijalankan untuk mendapatkan keperluan untuk melaksanakan transformasi kurikulum sekolah rendah. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM, 2009), telah melakukan penandarasan dengan kurikulum persekolahan negara-negara maju bagi memastikan kurikulum persekolahan kebangsaan yang dibangunkan standing dengan pendidikan global. Selain itu KPM juga telah mendapatkan input-input dari pelbagai pihak berkepentingan seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan, industri, ahli-ahli akademik universiti tempatan dan swasta dan para Ibu bapa. Berdasarkan maklumat daripada perbincangan meja bulat ini Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dibangunkan.

Konsep KSSR ini telah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil.3/2009 pada 2 Oktober 2009 (KPM, 2009). KPM membangunkan KSSR berasaskan prinsip-prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan

berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum yang dibina turut melibatkan Pendidikan Pra Sekolah iaitu Kurikulum Standard Pra Sekolah (KSPK) dan Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran, Masalah Penglihatan dan Masalah Pendengaran).

KSSR adalah untuk memastikan murid dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, kompetensi dan penerapan nilai-nilai sejagat yang relevan dengan keperluan alaf baru yang penuh dengan pelbagai cabaran (KPM 2009). Kurikulum ini adalah yang holistik dan sentiasa relevan serta dapat melahirkan modal insan yang seimbang yang mampu menangani cabaran semasa dan masa depan telah digubal. Di dalam KSSR, pada peringkat akhir persekolahan di sekolah rendah, murid disasarkan untuk menguasai kemahiran asas yang diperlukan dalam kehidupan harian. Di antaranya kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh murid-murid ialah kemahiran membaca, menulis, mengira, menaakul, kreatif dan inovatif, kesedaran kesejahteraan diri dari segi fizikal dan mental, percaya kepada Tuhan, berakhlak mulia dan amalan nilai murni, semangat jati diri dan patriotisme serta memahami dan menghayati budaya nasional.

KSSR yang digubal adalah selaras dengan segala dasar atau pelan pendidikan yang telah digubal dan dilaksanakan sebelum ini. Di antara dasar yang berkait rapat dengan KSSR ialah Wawasan 2020, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 - 2010, Rancangan Malaysia Ke - 9 (RMK9) 2006 -2010 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025.

Teras kedua PIPP, memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan. Ini selaras dengan KSSR. Modal insan yang disasarkan adalah anak bangsa Malaysia yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi serta dapat menghayati nilai-nilai murni

bagi penyediaan guna tenaga pelbagai pekerjaan. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006) Bagi mencapai hasrat ini PIPP berusaha meningkatkan kemahiran belajar dan kompetensi dalam kalangan murid terhadap matapelajaran tertentu khususnya Sains dan Matematik. Justeru, usaha memperkasakan kurikulum pembelajaran dilaksanakan untuk melahirkan murid yang celik teknologi maklumat, berkemahiran untuk berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak secara rasional. Ia dijayakan melalui konsep sekolah bestari.

Manakala agenda utama RMK 9 juga menekankan pembentukkan modal insan dalam kalangan rakyat Malaysia. Dalam ucapnama Dato' Seri Abdullah Badawi , Perdana Menteri Malaysia yang kelima di majlis pelancaran RMK9 pada 31 Mac 2006 menyatakan :-

*“ Pembangunan modal insan yang berkualiti akan diperluas. Pendekatan perlu bercorak holistik dan memberi penekanan kepada pembangunan pengetahuan, kemahiran, modal intelektual di dalam bidang seperti sains, teknologi dan keusahawanan. Pada masa yang sama kita mesti membangunkan satu budaya yang progresif, diiringi dengan nilai-nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dimaksudkan dengan modal insan mentaliti kelas pertama”. (Dato' Seri Abdullah Badawi, 2006).*

Bagi menjayakannya RMK 9 beberapa program telah dirancang. Di antaranya ialah mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa, meningkatkan keupayaan minat murid untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran, memupuk murid supaya memiliki kemahiran dan ketrampilan diri, memantapkan kajian dan penyelidikan pembangunan saintifik dan membentuk masyarakat yang memiliki nilai-nilai yang utuh. Kesemua langkah ini diserapkan dalam KSSR.

Selanjutnya, cabaran kesembilan dalam Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi yang boleh berdaya saing, dinamik, giat dan berdaya tahan menjadi asas pembentuk KSSR. Begitu juga dengan teras kedua dalam PPM iaitu meningkatkan kualiti pendidikan juga selaras dengan matlamat KSSR. Dalam PPM, pembangunan modal insan dan anjakan minda dan pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar untuk membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang maju menerusi kewujudan ekonomi negara yang berpaksikan pengetahuan.

KSSR dilaksanakan secara sepenuhnya di seluruh negara mulai tahun 2011. Pelaksanaan rintis telah dijalankan di sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara. Buat peringkat permulaan, sebanyak 500 buah sekolah telah menjalani uji rintis mulai 31 Mac 2009 sehingga akhir Jun 2009 iaitu 50 buah sekolah telah diuji rintis dengan semua matapelajaran dan manakala yang selebihnya dengan mata pelajaran yang terpilih (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

KBSR yang ditransformasikan kepada KSSR ini melibatkan perubahan bentuk, organisasi, kandungan, pedagogi, peruntukan masa, kaedah pentaksiran, bahan dan pengurusan kurikulum di sekolah. Komponen-komponen baru yang ditambah baik dalam KSSR ialah Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang bertujuan memenuhi keperluan murid dalam membangunkan modal insan yang holistik, berpengetahuan, berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif. Konsep ini adalah berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan berasaskan prinsip-prinsip dalam KBSR iaitu pendekatan bersepadu melalui perkembangan individu secara menyeluruh dengan memberi peluang dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2009).

Terdapat beberapa aspek dalam KSSR yang masih dikekalkan sepertimana yang terdapat dalam KBSR. Antara persamaan KBSR dan KSSR ialah dalam aspek pedagogi. Pedagogi yang ditekankan di dalam KBSR dan KSSR mempunyai persamaan iaitu kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran, aplikasi kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan TMK, pengajaran berasaskan kajian masa depan, pembelajaran secara konstruktivisme, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran akses sendiri, pembelajaran mastery dan belajar cara belajar.

Seterusnya, persamaan lain antara KBSR dan KSSR ialah dari aspek peruntukan masa. Masa yang diperuntukkan dalam KBSR dan KSSR ialah sebanyak 1350 minit seminggu. Namun berlaku perubahan pada peruntukan masa kepada beberapa mata pelajaran khususnya Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Dalam KSSR, Bahasa Melayu diperuntukkan sebanyak 360 minit seminggu manakala Bahasa Inggeris pula 300 minit seminggu. Masa yang diperuntukkan untuk pelaksanaan KBSR adalah 1350 minit seminggu dan KSSR ialah 1380 minit seminggu (satu waktu pengajaran dan pembelajaran ialah 30 minit). Manakala dalam KBSR Bahasa Melayu diajar selama 300 minit seminggu manakala Bahasa Inggeris diajar 210 minit seminggu. Selain itu, pihak sekolah dikehendaki memilih sekurang-kurangnya satu bahasa dalam Modul Elektif mengikut kesediaan sekolah dalam aspek guru, murid serta prasarana sekolah.

Reka bentuk KBSR berasaskan tiga bidang iaitu komunikasi, manusia dan alam sekeliling serta perkembangan diri individu. Di dalam reka bentuk komunikasi KBSR terkandung kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira. Kemahiran ini merupakan tunggak pendidikan asas di peringkat sekolah rendah. Antara mata pelajaran yang tergolong dalam bidang ini termasuk, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan Matematik. Kesemua mata pelajaran ini diajar pada tahap I dan tahap II. Contohnya, bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, berfungsi sebagai bahasa ilmu pengetahuan dan alat komunikasi perpaduan rakyat. Pada tahap I, murid-murid berusaha untuk menguasai kemahiran asas seperti bertutur, mendengar, membaca dan menulis melalui pelbagai sumber ilmu. Manakala, pada tahap II pula, murid-murid diberi

penekanan kepada kemahiran belajar dan kemahiran berfikir melalui pelbagai kaedah seperti bacaan, penulisan dan perbincangan. Kesimpulannya, mata pelajaran Bahasa Melayu KBSR bertujuan untuk melahirkan murid yang berkebolehan berbahasa, menghargai serta menghayati bahasa sebagai bahasa rasmi negara, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu selaras dengan semangat rukun negara dan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Seterusnya, bidang yang kedua iaitu manusia dan alam sekeliling mengandungi komponen kerohanian, nilai dan sikap. Pada tahap I, mata pelajaran Pendidikan Islam dan Moral diajar manakala pada tahap II, dua mata pelajaran lain ditambah iaitu Sains dan Kajian Tempatan. Contohnya, dalam matapelajaran Pendidikan Moral terkandung 16 nilai berasaskan agama, tradisi dan adat resam pelbagai etnik di negara ini selaras dengan nilai murni sarwajagat dan prinsip-prinsip rukun negara. Nilai yang sama diajar pada tiap-tiap tahun persekolahan

tetapi isi kandungan dan penekanan yang dilakukan berbeza sejajar dengan tahap perkembangan dan kematangan murid. Sebagai contoh, pada tahap 1, murid diajar nilai pengajaran dan pembelajaran berasaskan isu dan situasi murid itu sendiri serta kehidupan sehariannya seperti kebersihan diri iaitu mandi, gosok gigi, sikat rambut dan lain-lain lagi. Manakala, pada tahap II pula, konteks isu dan situasi dikembangkan untuk meliputi aspek kemasyarakatan, negara dan antarabangsa. Oleh itu, murid digalakkan untuk berfikir, berbincang, dan membuat keputusan berhubung dengan isu moral yang timbul dalam situasi kehidupan seharian.

Seterusnya, bidang yang ketiga dalam KBSR ialah perkembangan diri individu. Komponen yang terkandung dalam bidang ini ialah komponen kemahiran hidup, kesenian dan kesihatan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran dalam aspek kemahiran hidup dan penghayatan kesenian dan kesihatan. Antara matapelajaran yang terkandung dalam komponen ini ialah Kemahiran Hidup, Pendidikan seni, Pendidikan Muzik, serta pendidikan Jasmani dan Kesihatan.



Namun, berdasarkan reka bentuk kurikulum transformasi KSSR dapat dilihat terdapat enam tunjang yang membawa kepada perkembangan individu secara seimbang dengan pemikiran kreatif dan kritis serta mempunyai pemikiran inovasi yang tinggi. Setiap tunjang ini mempunyai penegasan dan fokus tersendiri iaitu kategori bidang ilmu yang relevan dengan keperluan setiap tunjang. Jika kita lihat di dalam KSSR reka bentuk yang digunakan lebih spesifik dan jelas berbanding dengan KBSR.

Reka bentuk kurikulum KSSR dapat dilihat dalam enam tunjang yang membawa kepada pembangunan individu secara seimbang dengan pemikiran kreatif dan kritis serta mempunyai pemikiran inovasi yang tinggi. Di antaranya ialah tunjang komunikasi, tunjang kerohanian, sikap dan nilai, tunjang kemanusiaan, tunjang ketrampilan diri, tunjang fizikal dan estetika dan akhir sekali tunjang sains dan teknologi.

Dalam tunjang komunikasi penekanan diberikan kepada proses mengabungjalinkan kemahiran berbahasa semasa berinteraksi samada berbentuk *verbal* atau *non verbal* ketika berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dalam tunjang ini murid didedahkan kepada kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis selain nilai tambah kemahiran menaakul. Kemahiran menaakul ini tidak diberi perhatian dalam KBSR. Proses penaakulan ini diharapkan dapat meningkatkan lagi kemahiran berbahasa sehingga ke tahap yang tinggi. Murid dituntut menguasai kemahiran-kemahiran di bawah bidang pembelajaran dalam tunjang komunikasi kerana ia memberi kesan kepada proses pemerolehan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam tunjang-tunjang yang lain.

Tunjang kerohanian, sikap dan nilai memberi penekanan kepada nilai dan norma masyarakat Malaysia yang mencerminkan keperibadian yang menepati identiti masyarakat Malaysia. Tunjang ini juga memberi fokus utama kepada pengalaman ilmu

agama dan kepercayaan, sikap dan nilai. Pendidikan Islam dan Moral menjadi teras kepada tunjang ini.

Tunjang ketiga iaitu kemanusiaan, dibina sejajar dengan keperluan pendidikan di Malaysia yang bertanggungjawab menyediakan individu yang bukan hanya memahami malah menghayati dan mengamalkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan kemasyarakatan dan alam sekitar setempat, negara dan global. Penekanan tentang perkara ini akan mendorong kepada pengupayaan konsep pembangunan mampan tanpa mengorbankan alam. Tunjang ini juga memberi penekanan kepada semangat patriotisme dan perpaduan. Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan budaya, perpaduan menjadi intipati yang penting dalam mengekalkan keharmonian dan ianya ditekankan dalam tunjang ini. Selain itu semangat patriotisme perlu disemai dalam diri individu sejak alam persekolahan bermula dari pendidikan sekolah rendah. Tunjang ini memberi ruang untuk perkembangan dan pembangunan ilmu, kemahiran dan nilai yang ada perkaitannya dengan bidang ilmu sains sosial seperti Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Sejarah, Geografi dan unsur-unsur Pendidikan Alam Sekitar.

Bagi melahirkan individu yang mempunyai keperibadian berketrampilan (Towering Personaliti) tunjang keempat iaitu ketrampilan diri diperkenalkan. Nilai-nilai seperti berdaya saing, jati diri yang kukuh, berilmu pengetahuan, berintegriti, patriotik, rasional dalam tindakan dan mengamalkan nilai murni dalam kehidupan harian diterapkan. Ciri-ciri hanya dapat dijelmakan melalui aktiviti-aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum yang dilaksanakan di peringkat sekolah, daerah dan kebangsaan. Tunjang ini memberi tumpuan kepada pemupukan kepimpinan dan sahsiah melalui aktiviti ko-kurikulum contohnya perkhemahan bersepadu, kawad kaki, kem motivasi dan sebagainya. Dengan mengenalpasti potensi diri, murid-murid dapat menjadi pemimpin di masa kelak yang mampu memimpin negara dan berjasa kepada masyarakat.

Tunjang kelima, fizikal dan estetika yang mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan rohani. Jasmani yang sihat membina potensi diri murid dalam domain yang lain. Perkembangan jasmani dan kesihatan murid hendaklah selari dengan keperluan fizikal dan peringkat umur dan tahap kematangan murid. Ini dicapai melalui matapelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan. Selain itu nilai estetika juga digilap melalui Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan muzik. Kedua-dua matapelajaran ini menekankan pemupukan kreativiti, bakat dan apresiasi melalui amalan dalam bidang kesenian.

Tunjang Sains dan teknologi menjadi tunjang yang terakhir. Perkembangan komunikasi teknologi maklumat yang pesat menjadi asas pembentukan tunjang ini. Modal insan yang dapat memenuhi keperluan guna tenaga abad ke-21 dapat dilahirkan melalui perancangan pendidikan yang lengkap dan komprehensif serta kompetitif. Insan yang dibangunkan mesti dilengkapi dengan ilmu, kemahiran dan nilai berteraskan sains dan teknologi. Pada peringkat awal murid didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap saintifik yang berkaitan numerasi, proses sains, kemahiran menganalisis di samping kemahiran ICT.

Tunjang ini jelas menunjukkan perbezaan utama antara KBSR dan KSSR. Murid perlu menguasai konsep nombor dan kemahiran asas mengira. Penguasaan kedua-dua aspek ini dapat membantu murid mengendalikan urusan harian secara berkesan dan penuh tanggungjawab. Pengetahuan dan kemahiran asas sains melahirkan murid celik sains dan menyediakan mereka dengan peluang untuk menguasai kemahiran proses sains melalui kegiatan penyiasatan saintifik yang boleh diaplikasikan dalam pelbagai situasi dan pengalaman seharian murid. Ledakan maklumat, globalisasi dan konsep dunia tanpa sempadan menuntut murid disediakan dengan literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi supaya kekal relevan dengan keperluan semasa dan masa akan datang. Capaian maklumat melalui kemudahan jalur lebar atau infrastruktur internet tanpa wayar

semakin menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian. Kemudahan ini perlu digunakan secara berkesan dan optimum supaya manfaat kemudahan transaksi maklumat (*transfer of information*) ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dilaksanakan dalam keenam-enam tunjang dengan perancangan yang rapi dan teliti.

KBSR dan KSSR diorganisasikan mengikut tahap, iaitu Tahap I dan Tahap II. Dalam KBSR, di Tahap I dan Tahap II mata pelajaran dikategori kepada mata pelajaran Teras, mata pelajaran Wajib dan mata pelajaran Tambahan. Mata pelajaran Teras terdiri daripada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina (SJKC), Bahasa Tamil (SJKT), Matematik, Sains, Kajian Tempatan, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Manakala mata pelajaran Wajib ialah Pendidikan Jasmani, Pendidikan Kesihatan, Kemahiran Hidup, Pendidikan Seni dan Visual dan Pendidikan Muzik. Manakala mata pelajaran tambahan meliputi Bahasa Tamil dan Bahasa Cina bagi sekolah kebangsaan manakala Bahasa Suku kaum (Kadazandusun) serta bahasa Arab.

Organisasi kurikulum dalam KSSR pula memberi tumpuan kepada Teras Asas, Teras Tema dan Elektif. Di tahap 1, Teras Asas merangkumi Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Bahasa Tamil Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Matematik, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Dalam Teras Tema pula, Mata pelajaran Dunia Sains dan Teknologi, Dunia Seni Visual dan Pendidikan Muzik. Bagi Modul Elektif meliputi Bahasa Arab, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK), Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK), Bahasa Iban, Bahasa Kadazandusun dan Bahasa Arab. Pada Tahap II, kurikulum diorganisasikan secara modular dalam Mata pelajaran Teras dan Mata Pelajaran Elektif. Kandungan mata pelajaran disediakan dalam bentuk modul. Komposisi KSSR Tahap II dibahagikan mata pelajaran teras dan mata pelajaran elektif. Dalam mata pelajaran teras terdapat 5 tunjang utama iaitu tunjang komunikasi yang melibatkan Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina SJKC dan Bahasa Tamil SJKT, diikuti Teras Sains dan Teknologi

merangkumi mata pelajaran Matematik, Sains, Rekabentuk dan Teknologi serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Dalam Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika mata pelajaran Pendidikan Jasmani, Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Muzik diajar. Bagi Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai pula, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral diajar. Akhir sekali dalam Tunjang Kemanusiaan mata pelajaran Sejarah diperkenalkan. Sementara Bahasa Arab, Bahasa Cina SK, Bahasa Tamil SK, Bahasa Iban, Bahasa Semai dan Bahasa Kadazandusun diajar sebagai mata pelajaran elektif dalam Tunjang Komunikasi Elektif. Tunjang ketrampilan diri dilaksanakan melalui aktiviti kurikulum dan Kokurikulum.

Dalam KBSR, selain bahan-bahan daripada buku teks, bahan – bahan lain yang relevan difikir dan disediakan oleh guru sebagai bahan pembelajaran di dalam kelas. Bahan pembelajaran yang dipilih adalah untuk memperkembangkan secara harmonis potensi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pelaksanaan KSSR pula melibatkan pembelajaran secara modular. Kandungan pembelajaran disediakan dalam bentuk unit sendiri-lengkap (self-contained) yang dinamakan sebagai modul. Setiap unit adalah tersendiri dan mengandungi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang telah dikenal pasti untuk dikuasai oleh setiap murid. Bagi tahap satu, kandungan kurikulum diorganisasikan dalam Modul Teras Asas, Modul Teras Tema dan Modul Elektif. Modul Teras Asas meliputi mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Matematik, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral. Manakala dalam Modul Teras mata pelajaran Dunia Keseniaan yang meliputi Dunia Seni Visual dan Dunia Muzik akan diajar serta Dunia Sains dan Teknologi. Sementara itu, Modul elektif merangkumi mata pelajaran Bahasa Arab, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan, Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, Bahasa Iban dan Bahasa Kadazan Dusun.

Modul Tema bagi tahap dua pula meliputi Modul Teras Asas, Modul Teras Tema dan Modul elektif. Modul Teras Asas merangkumi Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Sains dan Teknologi, Matematik, Reka Bentuk dan Teknologi dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Manakala Modul Teras Tema melibatkan Pendidikan Jasmani, Pendidikan Kesihatan, Pendidikan Muzik, Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral dan Sejarah. Bagi Modul Elektif melibatkan Bahasa Arab, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan, Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, Bahasa Iban, Bahasa Semai dan Bahasa Kadazan Dusun. Kesemua mata pelajaran ini dilaksanakan secara modular bermula pada 2014 untuk murid-murid tahun empat.

KSSR digubal berasaskan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Standard Kandungan ialah pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Standard pembelajaran ialah suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan. Justeru itu, tiga elemen nilai tambah telah diperkenalkan dalam KSSR iaitu penekanan pada elemen yang berorientasikan kreativiti dan inovasi, keusahawanan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang bertujuan memenuhi keperluan murid dalam membangunkan modal insan yang holistik, berpengetahuan, berfikiran kreatif, kritis dan berinovasi, berkemahiran tinggi serta berkeperibadian mulia. Aspek Kemahiran Bernilai Tambah (KBT) masih digunapakai dalam pengajaran dan pembelajaran, namun dua penekanan telah ditambah daripada sukatan lama. KBT yang akan diaplikasikan ialah Kemahiran Berfikir, Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kemahiran Belajar Cara Belajar, Kajian Masa Depan, Kecerdasan Pelbagai, Pembelajaran Konstruktivisma, Pembelajaran Kontekstual, Kreativiti dan Inovasi, dan Keusahawanan. KSSR digubal berdasarkan standard adalah mengambil kira beberapa faktor seperti:

- i. Memastikan semua murid melepasi standard yang ditetapkan.
- ii. Penetapan ilmu, kemahiran dan nilai yang perlu diukur dengan jelas.

- iii. Mengenal pasti strategi penambahbaikan (*assessment for learning*)
- iv. Mengatasi masalah murid keciciran dalam pembelajaran.
- v. Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

Seterusnya perbezaan yang jelas dapat dilihat di antara KBSR dan KSSR ialah dari aspek pentaksiran. Lembaga Peperiksaan Malaysia (2000) pula telah memberikan maksud terhadap pentaksiran dalam pendidikan iaitu di mana pentaksiran ditakrifkan sebagai suatu proses pembelajaran yang merangkumi aktiviti menghurai, mengumpul, merekod, memberi skor dan menterjemah maklumat tentang pembelajaran seseorang murid bagi sesuatu tujuan tertentu. Selain itu, berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Salvia dan Yseldyke (1978), pentaksiran boleh didefinisikan sebagai proses pengumpulan data dengan tujuan untuk mengenal pasti dan mengesan masalah murid serta untuk membuat keputusan. Kesimpulannya, pentaksiran boleh diertikan sebagai suatu proses pengumpulan maklumat melibatkan aktiviti menterjemah, merekod serta menghuraikan maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran seseorang murid bagi tujuan tertentu.

Di dalam KBSR, pentaksiran yang digunakan memberi penekanan kepada pentaksiran formatif dan sumatif. Pentaksiran sumatif dikenali sebagai Penilaian Kemajuan Kendalian Sekolah (PKKS). Skop penilaian merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor serta bakat dan minat murid. Guru merancang dan melaksanakan bagaimana menilai perkembangan dan pencapaian murid secara berterusan. Maklumat yang dikumpul digunakan untuk merancang tindakan susulan sama ada serta merta atau selepas pengajaran sesuatu unit pembelajaran. Tindakan susulan yang dibuat adalah berbentuk aktiviti pemulihan atau pengayaan sejajar dengan tahap kebolehan murid. Seterusnya dalam KBSR, ujian yang diberikan kepada murid juga dalam bentuk ujian sumatif. Murid diuji pada akhir persekolahan iaitu melalui Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di tahun 6. Aspek penilaian yang ditekankan dalam UPSR ialah aspek kognitif. Aspek kognitif ini meliputi penguasaan 3M (membaca, menulis dan

mengira). Di antara matapelajaran yang diuji termasuk Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Bagi matapelajaran Pendidikan Islam penilaian di buat untuk mengenalpasti penguasaan amalan fardu ain yang betul dan sempurna sepertimana yang ditentukan syarak. Manakala mata pelajaran Sains diuji melalui Panduan Penilaian Kerja Amali (PEKA). PEKA bertujuan mentaksir konstruk kemahiran proses sains, kemahiran menyelesaikan masalah secara saintifik, kemahiran manipulatif sains dan nilai murni serta sikap saintifik semasa pelajar menjalankan aktiviti, eksperimen, penyiasatan atau kajian lapangan.

Sepertimana yang kita sedia maklum, pentaksiran dalam KBSR mempunyai beberapa kelemahan. Pentaksiran KBSR lebih berorientasikan peperiksaan dan tidak menyumbang kepada aspek pembangunan modal insan secara menyeluruh (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2008). Murid dalam sistem pentaksiran KBSR belajar hanya untuk mengambil peperiksaan semata-mata dan kurang mengaitkan isi pelajaran dengan kehidupan seharian. Sebagai contoh, apabila tamat menghadapi UPSR murid akan melangkah ke sekolah menengah, murid tidak dapat membuat perkaitan antara mata pelajaran yang dipelajari ketika sekolah rendah dan mengaitkan dengan sekolah menengah. Hal ini kerana, murid hanya belajar untuk menjawab peperiksaan semata-mata. Perkara ini dapat dirumuskan dalam jadual 1.1 di bawah. Belajar untuk peperiksaan adalah kelemahan utama dalam sistem pentaksiran KBSR.

**Jadual 1.1 : Pencapaian Calon UPSR dari tahun 2008 hingga 2012**

| TAHUN | BILANGAN CALON | BILANGAN LULUS ( % ) |
|-------|----------------|----------------------|
| 2008  | 507,320        | 317,404 (62.56 %)    |
| 2009  | 506,620        | 319,336 (63.03 %)    |
| 2010  | 482,334        | 310,605 (64.39 %)    |
| 2011  | 485,160        | 315,033 (64.93 %)    |
| 2012  | 517,139        | 331,984 (64.19 %)    |

Sumber : Lembaga Peperiksaan Malaysia (2012)



Bagi menangani kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pentaksiran KBSR, terutamanya dalam aspek pentaksiran maka pembaharuan diperkenalkan dalam KSSR melalui Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang bermatlamatkan mengurangkan tekanan peperiksaan awam, memperkukuh Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), memperbaiki pembelajaran murid, pentaksiran bersifat holistik dan berterusan serta membina modal insan dengan lebih berkesan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012). Pentaksiran yang digunakan di dalam KSSR dijalankan secara berterusan untuk mengesan perkembangan dan pencapaian murid dalam pembelajaran, menggunakan kaedah pentaksiran pelbagai serta bersifat autentik dan holistik. Terdapat lima kaedah pentaksiran dilaksanakan melalui SPPK iaitu pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum, pentaksiran sekolah, pentaksiran psikometrik, pentaksiran pusat serta peperiksaan pusat.

Di bawah pentaksiran sekolah, setiap sekolah bertanggungjawab melaksanakan sistem pentaksiran sendiri yang dirancang dan diperiksa oleh guru membabitkan murid, ibu bapa dan organisasi luar yang dipecahkan kepada dua iaitu pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Pentaksiran formatif membabitkan proses sepanjang pembelajaran murid menggunakan pelbagai kaedah dalam melapor maklumat selain membuat penilaian sama ada bertulis atau verbal mengenai cara meningkatkan pembelajaran murid. Guru tidak dibenar membandingkan murid serta meletakkan skala yang menunjukkan kedudukan mereka seperti digunakan sebelum ini.

Pentaksiran sumatif dilakukan pada hujung pembelajaran dengan membuat pertimbangan dan penilaian prestasi murid dalam meneruskan pembelajaran. Maklumat itu dalam bentuk kualitatif atau kuantitatif mengikut standard ditetapkan sekolah. Pentaksiran kini adalah berasaskan kepada band-band yang telah dirangka oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia seperti dalam jadual 1.1 di bawah.

**Jadual 1.2 : Kerangka Pernyataan Standard dan Tafsiran**

| BAND | PENYATAAN STANDARD                                | TAFSIRAN   |
|------|---|--|
| 6    | Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali | Murid mampu menzahirkan idea yang kreatif dan inovatif, mempunyai keupayaan membuat keputusan untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran dalam kehidupan seharian serta boleh berbicara untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat menggunakan ayat yang sesuai secara bertatasusila dan menjadi contoh secara tekal |
| 5    | Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji | Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab pada situasi baru, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal dan bersikap positif   |
| 4    | Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab         | Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, seperti tertib atau melaksanakan sesuatu mengikut prosedur dan secara sistematik  |
| 3    | Tahu, Faham dan Boleh Buat                        | Murid boleh menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi  |
| 2    | Tahu, Faham                                       | Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari pada suatu situasi  |
| 1    | Tahu  | Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas   |

(Sumber : Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2012)

Standard prestasi telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Garis panduan penjaminan telah ditetapkan. Kualiti menjadi keutamaan dalam semua aspek pentaksiran. Pentaksiran yang berkualiti akan menghasilkan maklumat yang tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tentang tahap pembelajaran murid. Maklumat yang tepat ini boleh membantu semua pihak termasuk guru, pentadbir sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia dan pembuat dasar. Guru merupakan individu terpenting yang akan menjalankan matlamat dan menyampaikan ilmu dan kemahiran dalam KSSR dan adakah persepsi dan amalan guru terhadap PBS yang di sekolah menepati standard pentaksiran yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia?

### **1.3    Penyataan Masalah**

Dokumen Standard Kurikulum dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pelajaran Malaysia. Ia mengandungi perkara-perkara yang patut dipelajari dan perlu disampaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Manakala, Dokumen Standard Prestasi dibangunkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Ia merangkumi panduan untuk mentaksir pencapaian murid mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum.

Dokumen Standard Kurikulum dan Dokumen Standard Prestasi yang menjadi sumber rujukan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung seperti murid, guru, pihak pentadbir sekolah, ibu bapa serta pihak-pihak yang berkepentingan. Guru sebagai fokus utama harus tahu akan matlamat yang akan dicapai

dalam pendidikan murid di sekolah, apa yang ditaksir dan kualiti yang harus ada pada setiap murid dalam memperkembangkan potensi setiap murid ke tahap yang maksimum.

Guru menyediakan instrumen pentaksiran berasaskan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Dokumen Standard Prestasi mengikut kreativitinya. Instrumen ini akan menjadi evidens. Evidens ialah bukti yang perlu diuruskan secara sistematik. Guru perlu melaporkan evidens dalam aplikasi Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS).

Di sini timbul satu prasangka sama ada pentaksiran yang dikendalikan oleh guru itu benar-benar merangkumi skop yang telah ditetapkan oleh pihak yang berkuasa seperti Bahagian Perkembangan Kurikulum dan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Adakah penafsiran guru terhadap pentaksiran selari dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Dokumen Standard Prestasi yang telah dibangunkan. Adakah pentaksiran dalam KSSR dijalankan sepertimana yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Dokumen Standard Prestasi dan ianya diuruskan dengan baik oleh guru dan pentadbir sekolah ?

## 1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada masalah, pengkaji merumuskan objektif kajian yang hendak dicapai ialah :

1. Mengenal pasti persepsi dan masalah yang dihadapi oleh guru-guru terhadap pelaksanaan PBS dalam KSSR.
2. Mengenal pasti amalan guru-guru dalam pelaksanaan PBS mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Dokumen Standard Prestasi dalam KSSR.
3. Mengenal pasti persepsi, masalah dan amalan guru-guru terhadap pelaksanaan PBS dalam KSSR mengikut kategori sekolah.
4. Mengenal pasti persepsi, masalah dan amalan guru-guru terhadap pelaksanaan PBS dalam KSSR mengikut tempoh pengalaman mengajar.

## 1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji tentang persepsi, amalan dan masalah guru-guru KSSR dalam pelaksanaan PBS. Secara spesifiknya kajian ini cuba untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan berikut:

1. Apakah persepsi guru-guru terhadap pelaksanaan PBS dalam KSSR ?
2. Apakah amalan guru-guru dalam pelaksanaan PBS mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Dokumen Standard Prestasi dalam KSSR ?
3. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam mengendalikan PBS dalam KSSR di peringkat sekolah ?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi persepsi, amalan dan masalah terhadap pelaksanaan PBS antara guru sekolah kategori bandar dengan luar bandar ?
5. Adakah terdapat perbezaan signifikan bagi persepsi, amalan dan masalah guru terhadap pelaksanaan PBS antara tempoh pengalaman mengajar guru?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian tentang pentaksiran berasaskan sekolah telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Di antara kajian-kajian yang telah dijalankan ialah tentang kesediaan guru dalam pelaksanaan PBS di Pra sekolah, Kesediaan guru Dunia Sains dan Teknologi Tahun Dua dalam pelaksanaan PBS. Namun kajian tentang persepsi dan amalan guru terhadap pelaksanaan PBS dalam KSSR belum dilakukan.

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang persepsi, amalan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBS dalam KSSR. Hasil daripada kajian ini dapat memberikan maklum balas tentang persepsi, masalah dan amalan PBS secara menyeluruh. Ia juga akan memperlihatkan sejauh mana amalan guru dalam pelaksanaan PBS seiring dengan standard yang ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Dokumen Standard Prestasi.

Dapatan kajian ini juga akan memberikan satu gambaran yang jelas tentang persepsi, amalan dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan PBS di sekolah. Ia diharapkan memberikan halatuju dan panduan dalam melaksanakan penambahbaikan dalam pelaksanaan PBS kepada pihak-pihak berkepentingan.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan guru-guru KSSR Tahun 1 hingga Tahun 3 sekolah rendah di daerah Kluang sahaja. Tempat kajian ini tidak melibatkan daerah dan negeri yang lain yang melaksanakan KSSR sejak dari tahun 2011. Guru yang terlibat hanya guru tahun 1 hingga tahun 3 kerana KSSR ini baru beransur maju sehingga tahun 3.

Kajian ini tidak membezakan taraf pendidikan antara guru yang dikaji. Kajian ini merupakan kajian berbentuk tinjauan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian melalui sekolah masing-masing.

## **1.8 Skop Kajian**

Faktor yang mempengaruhi persepsi, masalah dan amalan guru terhadap pelaksanaan PBS hanya akan ditinjau di peringkat sekolah sahaja. Faktor-faktor luaran yang berkemungkinan mempengaruhi pelaksanaan PBS tidak termasuk dalam kajian ini. Data yang dikaji juga terhad kepada soal selidik.



## **1.9 Definisi Istilah**

Istilah – istilah yang digunakan dalam kajian ini akan didefinisikan dengan jelas bagi memberikan kefahaman yang jelas terhadap kajian ini.

### **1.9.1 Guru**

Menurut Kamus Dewan, guru bermaksud pengajar, pendidik atau pengasuh. Seorang guru ialah merupakan pembimbing dalam proses pembelajaran. Menurut Mok Soon Sang (1990) pula, guru merupakan seorang ahli masyarakat yang mempunyai perhubungan sosial yang saling berkait rapat dengan masyarakat berstatus. Guru merupakan tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan yang dipertanggungjawab untuk mendidik pelajar di sekolah. Guru juga sebagai anggota masyarakat, harus pandai bergaul dengan masyarakat. Untuk itu, guru harus menguasai psikologi sosial, memiliki pengetahuan tentang hubungan antara manusia dan sebagai anggota masyarakat, guru mempunyai keterampilan membina kelompok, berkerjasama dalam kelompok untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Antara fungsi dan peranan guru ialah guru sebagai pendidik dan pengajar haruslah memiliki kestabilan emosi, ingin memajukan pelajar, bersikap realistik, bersikap jujur dan terbuka, peka terhadap perkembangan terutamanya dalam inovasi pendidikan. Maka guru harus memiliki dan menguasai berbagai jenis bahan pelajaran, menguasai teori dan praktikal pendidikan, menguasai kurikulum dan metodologi pengajaran.

### **1.9.2 Amalan Guru**

Menurut Graham dan Mortin (2004), amalan merujuk kepada latihan guru di universiti. Di Malaysia latihan guru diberikan Di Institut Perguruan dan universiti bagi melahirkan guru yang berkemahiran dalam menegndalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Latihan secara berterusan juga dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui unit-unitnya dari semasa ke semasa terutamanya bila sesuatu kurikulum atau aspek baru diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Kejayaan kurikulum atau program baru atau lama bergantung kepada amalan guru. Menurut Ismail (2006), tiada kejayaan tanpa amalan yang baik dan berterusan.

Guru perlu memahami hasrat KSSR dan berupaya mentafsir dan menterjemahkan kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Dokumen Standard Prestasi sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks ini, guru perlu mengambil kira keperluan murid yang mempunyai latar belakang berbeza, kecerdasan yang pelbagai dan lokasi sekolah untuk disesuaikan dengan kandungan kurikulum. Guru boleh menggunakan pelbagai pendekatan bagi memastikan murid mencapai standard yang telah ditetapkan bagi setiap mata pelajaran.

### **1.9.3 Pentaksiran Berasaskan Sekolah**


Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif (intelekt), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum

Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009). Komponen-komponen PBS terbahagi kepada dua bidang iaitu mentaksir bidang akademik dan bukan akademik yang mana bidang akademik terdiri daripada Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP), manakala bidang bukan akademik terdiri daripada Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Komponen-komponen PBS ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Kedua-dua bidang ini memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berasaskan sekolah.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

PBS dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisme penyelarasan dan pemantauan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah.

Walaupun terdapat dua bidang utama dalam PBS, namun pengkaji hanya menumpukan kajiannya tentang PBS yang berbentuk akademik. Ini disebabkan ,PBS berbentuk akademik yang dijalankan di Tahap I dan kajian ini melibatkan guru-guru di tahap I sahaja manakala PBS berbentuk bukan akademik dan akademik akan dijalankan secara seiring di Tahap II. PBS dijalankan secara berterusan dari tahun 1 hingga tahun 6.



Sumber : Lembaga Peperiksaan Malaysia (2012)

**Rajah 1.1 :** Komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah

#### 1.9.4 Pentaksiran Sekolah

Pentaksiran Sekolah adalah komponen utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan pengajaran guru serta mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam satu-satu proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran ini dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula daripada aspek perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan dan pelaporannya. Justeru, pentaksiran ini amat penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha

menghasilkan insan yang harmoni dan seimbang. Selain daripada itu, ianya merupakan aktiviti yang berterusan yang menagih komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembangkan potensi setiap murid ke tahap maksimum.

Pentaksiran formatif dijalankan seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Contoh instrumen yang boleh digunakan ialah lembaran kerja, pemerhatian, kuiz, senarai semak, laporan tugas, tugas rumah dan ujian. Pentaksiran sumatif dijalankan pada akhir setiap unit pembelajaran. Contoh instrumen yang boleh digunakan ialah ujian bulanan dan ujian penggal. Pentaksiran Sekolah berfungsi sebagai pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran tentang pembelajaran (*assessment of learning*).

Lembaga Peperiksaan Malaysia menyediakan instrumen merangkumi piawai, kriteria, panduan dan peraturan yang bertujuan mengukur tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai murid berbanding kriteria yang telah ditetapkan .

### **1.9.5 Band**

Satu label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hierarki digunakan bagi tujuan pelaporan individu. Ianya digunakan untuk tujuan pelaporan. Band dibina dari band 1 sehingga band 6. Band 6 adalah pencapaian yang tertinggi.

### **1.9.6 Standard Prestasi**

Satu pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang pencapaian akademik dan bukan akademik seseorang murid. Ia juga merupakan satu pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan di mana kedudukan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (band). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih qualifier menggunakan perkataan atau rangkaian kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran.

Standard prestasi ini akan menjadi bahan rujukan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung seperti pihak pentadbir sekolah, guru, murid, ibu bapa serta pihak yang berkepentingan. Ini juga akan menjadi satu bentuk kayu pengukur tentang standard pendidikan negara dan menjadi alat perbandingan pendidikan antara negara.

### **1.9.7 Deskriptor**

Pernyataan yang menerangkan apa yang murid tahu dan boleh buat berdasarkan standard di mana kualiti boleh ditaksir dan dicapai. Deskriptor ini berbeza mengikut setiap tahun pembelajaran.

### 1.9.8 Evidens

Evidens ialah bahan bukti yang perlu diuruskan oleh pihak sekolah dan guru secara sistematik mengikut keputusan Jawatan Kuasa Pentaksiran Berasaskan Sekolah di peringkat sekolah.

Evidens terbahagi kepada dua jenis iaitu evidens murid dan evidens bahan. Evidens murid merujuk kepada keupayaan sebenar murid tentang apa yang mereka tahu dan boleh buat sama ada secara lisan atau perlakuan. Manakala evidens bahan merujuk kepada apa-apa bukti produk atau proses seperti foto, grafik, artifak, laporan dan lain-lain yang dihasilkan oleh murid dalam melaksanakan sesuatu tugas. Evidens bahan boleh disediakan secara individu atau berkumpulan mengikut kreativiti guru dan kebolehan murid. Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia (2012), ciri-ciri evidens dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah adalah sah, autentik, kecukupan, semasa dan tekal.

Setelah evidens telah dinilai ianya akan menjadi instrumen. Instrumen ialah bahan atau apa-apa bentuk bukti yang dapat ditunjukkan oleh murid yang melaksanakan sesuatu tugas dalam bentuk produk atau proses seperti foto, grafik, artifak, laporan dan lain-lain. Alat yang digunakan oleh guru untuk menguji penguasaan atau pencapaian murid bagi sesuatu domain meliputi ujian bertulis, ujian secara lisan, demonstrasi dan ujian amali.

Evidens Pentaksiran Sekolah ini perlu direkodkan dalam Rekod Perkembangan Murid dan SPPBS. Evidens ini hendaklah diserahkan semula kepada murid setelah direkod dalam aplikasi SPPBS.

## **1.10 Penutup**

Setiap guru yang terlibat dalam pembangunan atau pelaksanaan sistem pentaksiran pendidikan adalah bertanggungjawab menjamin kualiti dan mutu pentaksiran yang dikendalikan. Kualiti hendaklah menjadi tumpuan utama dalam semua aspek dan peringkat pentaksiran. Pentaksiran yang berkualiti akan menghasilkan maklumat yang tepat dan menunjukkan keadaan sebenar tentang tahap pembelajaran murid. Maklumat yang tepat boleh membantu pembuat dan penentu dasar melakukan perubahan bagi tujuan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Ianya bakal mewujudkan persekitaran yang harmonis di sekolah untuk perkembangan individu dan pada masa yang sama memberi banyak manfaat serta mampu mengurangkan masalah gejala sosial yang berlaku pada masa sekarang ini selain memberi transformasi yang positif terhadap pendidikan di Malaysia.



## RUJUKAN

- Abdul Hadi Mohamad (2000). *Perubahan Budaya Pengajaran Pembelajaran di Sekolah*. Terengganu: Maktab Perguruan Besut.
- Abu Bakar Ibrahim (2006). Humanizing school based assessment: What we can learn from institution of higher learning. Keynote speech for Kuala Lumpur International on Assessment 2006, 16-19 May 2006, Kuala Lumpur.
- Ainon Mohd. Abdullah Hassan. 2003. GURU SEBAGAI PENDORONG DALAM BILIK DARJAH. Bentong, Pahang: Penerbitan Pts Publication, Siri Motivasi
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan. (2005). *Belajar berfikir* library.mod.gov.my/
- Airasian P.W. dan Russel, M.K. (2010). *Classroom Assessment. Concept and Application*. Seventh Edition. McGraw-Hill Higher Education – New York.
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Peraturan-peraturan Terpilih. Kuala Lumpur: International Law Book Series.
- Alimuddin Mohd. Dom. (2008). *30 Disenarai Sekolah Kluster*. 10 Jun 2008. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Amir Hasan Dawi (2006). *Pentorian Sosiologi dan Pendidikan*. Edisi Ketiga. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Asma Haji Ahmad (1992), *Pedagogi I*. Petaling Jaya, Selangor : Longman Malaysia Sdn. Bhd.

- Atan Long. (1986). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Badrul Hisham Hj. Alang Osman. (1998). *Kesediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Berbantuan Komputer (PPBK) di Sekolah Menengah*. Diperolehi daripada: <http://motivasiutusan.4mg.com/kerja1.html>. (20 November 2002).
- Basil Bernstein. (2000). *Pedagogy, Symbolic Control and Identity* (1996 / 2000 second edition). University of London.
- Black, P., William, D., Harrison, Lee, C. dan Marshall, B. (2002) *Working inside the Black Box. Assessment for Learning in the Classroom*, London: King College London.
- Broadfoot, P. (2007). *An Introduction to Assessment*. New York: Continuum International Publishing Group.
- Chua Yan Piaw (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, L. & Manion. L. (1994). *Research Method in Education*. London: Routledge Falmer.
- Dewe P.J. (1986). *An Investigation into the Causes and Consequences of Teacher Stress*. New England Journal of Education Studies. 21 (2). 145-157.
- Ee Ah Meng (1997). *Pedagogi 1 Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Fullan (1991). *The New Meaning of Education Change 2<sup>nd</sup> Edition*. London: Cassell.

- Gearheart, C.J., & Gearheart, B.R. (1990). *Introduction to special education assessment: Principles and practices*. Denver, CO: Love.
- Ibrahim Saad. (1990). *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamil Adimin (2008). *Pengetua dan Guru Besar Sebagai Pemimpin Pentaksiran di Sekolah*. Ehwat Pendidikan Bil 17/2008.
- Kamus Dewan , Edisi Keempat. (2007). Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Atas talian <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1988). *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Sekolah Harian Biasa di Malaysia: Konsep, Cabaran, dan Pelaksanaan*. Putrajaya: KPM.
- Kerlinger, F.N. (1986). *Foundation of Behaviral Research, 3<sup>rd</sup> Edition*. New York: Kolt Rinehait & Winston.
- Laughli, A. (1984). *Teacher Stress in an Australian Setting: The Role of Biographical Mediators*. Education Studies. 10 (1), 7-22.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2007). *Modul Penataran Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*.

- Lembaga Peperiksaan, (2012). Pengurusan dan Pengendalian Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Sekolah Menengah. Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Linn, R.L. & Miller M.D. (2005). *Measurement and Assessment in Teaching* (9<sup>th</sup> Edition), New Jersey: Pearson.
- Linn, R., and Gronland, N. E. (1995). *Measurementt and Assessment in Teaching* (7th Ed.) Eaglewood Cliff, N.J: Merrill/Prentice Hall, 6 – 7
- Mayer, R.E & Gallini, J.K. (2002). When an Illustration Worth Ten Thousand Words? *Journal of Educational Psycholigy*. 82(4), 715 - 726.
- Mohd Kamal Hassan (1988). PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SATU PERSPEKTIF BERSEPADU. Kuala Lumpur: Penerbitan Nurin Enterprise.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abd. Ghafar. (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: UTM.
- Mohd Najib Abd. Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: UTM.
- Mohd. Sani. (1992). *Penyelidikan Pendidikan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman.
- Mok Soon Sang . (2003). *Pengurusan Kurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

- Omar Mohd Hashim (1993), *Pendidik: Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Putnam, R. & Borko H. (1996). *Teacher Learning: Implication of New Views of Cognition*. In B.J. Biddle, T.L. Good, & I.F. Goodson (Eds.) *The international handbook of teachers and teaching*. Dordrecht, the Netherlands, Kluwer.
- Razali Arof (1996). *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlan Abd. Wahab. (2002). *Falsafah Pendidikan Guru dan Sekolah (SemII)*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rosni Zamuddin & Siti Fatimah Mohd Salleh. (2010). *Kesediaan Guru Sekolah Menengah di daerah Kota Bahru dalam Melaksanakan Sistem Penilaian Prestasi Pelajar Berasaskan Sekolah*. Skudai: UTM.
- Salvia J.E. & Yseldyke, J.E. (2007). *Assessment: In special and inclusive education* (10th ed.). Boston: Houghton Mifflin Company.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). *Psikologi Pendidikan II: Psikologi Pembelajaran dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). *Teknologi Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Shulman, L (1987). *Knowledge & Teaching: Foundations of the New Reform*. Harvard Education Review, 57(1):1-22.

- Talib, Rohaya (2009) PEMBINAAN DAN PENGESAHAN INSTRUMEN UJIAN LITERASI PENTAKSIRAN. PhD Thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Tini (2004). *Persepsi Guru-guru Terhadap Perubahan Kurikulum: Satu Tinjauan Ke Atas Tiga Buah Sekolah Menengah Di Kawasan Skudai, Johor*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan: UTM Skudai.
- Wan Noraini Bt Wan Mohd Nor (2010). *Kesediaan Guru dalam Melaksanakan PEKA Sains PMR di Sek. Men. Kuala Terengganu*. Tesis Sarjana, UTM.
- Wiersman. W. (2002). *Research Method in Education: An Introduction*. Boston: Ally & Bacon.
- Wolf, R.M. (1998). *Questionnaires in Keeves, J.P Edition. Education Research Methodology and Measurement: An International Handbook*. Oxford: Pergamon Press.
- Yuszaida Bt Yusoff (2009). *Tahap Kefahaman Kriteria dan Masalah Guru Terhadap Penilaian dan Pentaksiran Kerja Kursus Kemahiran Hidup (KH) di daerah Segamat, Johor*. UTM.
- Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu (2003). *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Window*. Kuala Lumpur: Venton Publishing Sdn. Bhd.